

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 1
MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI SABAH**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Aktiviti Kementerian dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah. LKAN Tahun 2021 Siri 1 ini melaporkan tiga tajuk pengauditan, iaitu satu tajuk di bawah pengauditan prestasi mengenai aktiviti kementerian serta dua tajuk berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri Sabah.

1.1. Pengauditan Aktiviti Kementerian

- **Pengurusan Program *Sabah We Care* Paket Bantuan Covid-19
Kerajaan Negeri Sabah [Peruntukan Diluluskan: RM653.22 juta]**

- a. Pengauditan prestasi yang dilaksanakan melibatkan Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Objektif program adalah untuk memberikan bantuan bagi meringankan beban dan kesulitan hidup pelbagai lapisan masyarakat yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19.
- b. Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan program seperti berikut:

i. Pencapaian Output

- Pencapaian output prestasi agihan di bawah Langkah 1, 2 dan 3 adalah baik kerana mencapai sasaran. Prestasi agihan di bawah Langkah 4 dan 5 adalah memuaskan kerana 75.4% telah diagihkan.

ii. Pencapaian Keberhasilan

- Sejumlah RM179.07 juta telah dibelanja/diagih di bawah Langkah 1, 2, 4 dan 5 dan dimanfaatkan oleh 392,829 Ketua Isi Rumah (KIR)/orang/jabatan.
- Perbelanjaan/agihan bantuan dalam tempoh PKP hingga PKPB berjumlah RM159.12 juta (88.9%) telah memberi manfaat kepada 372,813 KIR/orang/ jabatan. Bagaimanapun, sejumlah RM19.95 juta (11.1%) dibelanja/diagih selepas tempoh PKPB bagi manfaat 20,016 KIR/orang/jabatan.

iii. Pengurusan Projek/Program

Kelemahan dalam pengurusan bagi pengauditan tersebut adalah seperti berikut:

- RM1.52 juta (3.4%) berbanding RM44.99 juta merupakan perbelanjaan bukan bersifat kecemasan;
- pelitup muka (27,720 kotak) dan *hand sanitizer* (60,177 botol) tidak diagihkan dengan segera dan disimpan sebagai stok;
- agihan bakul makanan tidak mematuhi jenis, kuantiti barang dan nilai yang ditetapkan; dan
- dokumen penerima bantuan tidak diselenggara dengan teratur.

1.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah

a. Sabah Urban Development Corporation Sdn. Bhd. (SUDC) [Modal Berbayar: RM40 juta]

- i. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan adalah seperti berikut:
 - objektif penubuhan SUDC belum tercapai sepenuhnya antara lain disebabkan tidak melaksanakan aktiviti promosi pembangunan harta tanah yang ditetapkan dalam objektif syarikat; dan
 - tadbir urus korporat kurang memuaskan kerana tujuh daripada sembilan amalan tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya.
 - Pengurusan aktiviti mendapati kelemahan seperti berikut:
 - Projek Seri Sutera Residence catat pulangan atas pelaburan sebanyak 19.8%. Projek Sipitang Commercial Development adalah sebanyak 26.3%. Bagaimanapun, aliran tunai yang dijana tidak mencukupi bagi membiayai kos operasi syarikat;
 - pembayaran balik pinjaman Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) yang tidak konsisten menyebabkan tanggungan liabiliti syarikat semakin meningkat; dan

- aset semasa SUDC sukar dicairkan menunjukkan SUDC tidak berkemampuan untuk membayar liabiliti jangka pendek dengan menggunakan aset semasanya.
- Kedudukan kewangan SUDC didapati kurang stabil kerana jumlah liabiliti yang semakin meningkat dan mengalami defisit tunai akhir tahun pada 2018, 2019 dan 2020.

**b. Sabah Livestock Dairies Breeder Sdn. Bhd. (SLDBSB)
[Modal Berbayar: RM 2]**

- i. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan adalah seperti berikut:
 - objektif penubuhan syarikat bagi memberi tumpuan kepada aktiviti nilai tambah produk tenusu belum dapat direalisasikan; dan
 - tadbir urus korporat kurang memuaskan kerana lima daripada sembilan amalan tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya.
 - Pengurusan aktiviti mendapati kelemahan seperti berikut:
 - aspek penyediaan infrastruktur ladang tidak mengikut sepenuhnya panduan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Sabah;
 - dua daripada tujuh jentera ladang tidak dibaiki sejak rosak pada bulan Mac dan Jun 2021;
 - keperluan makanan lembu tenusu tidak mencukupi; dan
 - SLDBSB tidak mempunyai Veterinar bagi menyediakan program kesihatan lembu tenusu.
 - SLDBSB bergantung kepada dana pendahuluan yang diterima daripada Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah bagi membiayai operasi syarikat.
- 2. Sebanyak 14 syor Audit telah dikemukakan kepada kementerian dan pihak yang berkepentingan untuk diambil tindakan bagi penambahbaikan perkara yang dilaporkan.